

05 MAR 2000

Umno-Tasik Gelugor

UMNO TASIK GELUGOR CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

BUTTERWORTH, 5 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Tasik Gelugor hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu juga mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Mesyuarat perwakilan Bahagian itu dirasmikan oleh ketua bahagian Datuk Mohamed Shariff Omar, di sini.

Bagi jawatan naib presiden, bahagian itu mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Abdul Razak, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Mereka yang dicalonkan bagi jawatan Majlis Tertinggi ialah Datuk Mohamed Shariff Omar, Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Syed Abdul Razak Syed Zain dan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Turut dicalonkan untuk jawatan itu ialah Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Nazri Aziz, Datuk Sulaiman Mohamed, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Zainuddin Dahlan, Datuk Khalid Yunus, Datuk Mohd Ali Rustam, Adam Abdul Hamid, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Adnan Yaakob, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Annuar Musa, Datuk Osu Sukam, Datuk Shafie Apdal dan Lajim Haji Ukin.

Sebelum itu, ketua Umno cawangan Kampung Paya, Mohamad Badaruddin Ibrahim mencadangkan supaya nama dua calon naib presiden iaitu Ghani dan Abu Hassan digugurkan dan digantikan dengan bekas menteri besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Muhammad Taib dan pengerusi Perbadanan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanapun, cadangannya itu hanya menerima 10 undi berbanding 235 undi terhadap cadangan yang dikemukakan oleh timbalan ketua bahagian Jasmin Mohamed.

Mohamed Sharif pula, dalam ucapan perasmian mesyuarat, mengingatkan anggota parti supaya terus menjaga maruah parti agar ia kekal selama-lamanya.

Katanya hanya Umno yang dapat menjamin keutuhan bangsa Melayu dan memacu pembangunan di masa akan datang.

"Kerajaan yang ditunjangi Umno, harus kuat dan tidak boleh berada dalam keadaan kacau bilau kerana ia akan menjejaskan keamanan pembangunan negara dan keyakinan pelabur asing di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

ZU NAK